

Kenal pasti imbuhan sisipan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris. Kemudian, tulis perkataan berimbuhan sisipan itu pada ruang yang disediakan.

- 1 Lina menyembur minyak wangi yang serbak baunya.
- 2 Akibat kemalangan itu, jari tunjuk abang telah patah.
- 3 Ibu sukar membasuh seluar adik yang terdapat banyak kuncup.
- 4 Rumput hiasan itu mempunyai akar sabut yang banyak dan halus.
- 5 Negara bakal menghadapi kelut ekonomi jika wabak COVID-19 ini masih berterusan.
- 6 Nazirah berasa gentar ketika hendak menemu ramah Sejarawan Negara itu.
- 7 Air minuman berkarbonat itu mengeluarkan gembung udara apabila dibuka.
- 8 Adik berasa gatal pada tapak tangannya kerana bermain pasir sewaktu berkelah.
- 9 Kawasan itu agak bising kerana kerja-kerja memasang cucuk untuk pembinaan jejantas sedang dilakukan.
- 10 Sambutan Bulan Kebangsaan Sekolah Kebangsaan Desa Tun Hussein Onn berlangsung dengan sungguh gilang.